



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**25 DISEMBER 2021 (SABTU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**25 DISEMBER 2021 (SABTU)**

KPDNHEP umumkan penurunan itu sejak 22 Disember lalu

## Harga sayur, ayam dan telur turun

**PETALING JAYA** — Harga sayur-sayuran dan ayam yang mengalami kenaikan sehingga membebani pengguna sebelum ini telah menunjukkan penurunan.

Selain itu, harga ayam standard dan telur turun melibatkan 1,259 premis di Semenanjung.

Penurunan harga sayur melibatkan 1,500 premis sejak 22 Disember lalu itu diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi akaun Twitter rasminya semalam.

"Harga brokoli turun 23.3 peratus daripada RM20 kepada RM15.35, manakala kubis juga turun 30.8 peratus daripada RM6 kepada RM4.15," katanya.

Kata kenyataan itu, cili kering pula turun daripada RM19 kepada RM15.64 dan sayur sawi turut daripada RM8 kepada RM5.71.

Harga ayam standard dan telur di Semenanjung pula turun antara 0.8 hingga 4.2 peratus.

"Harga ayam standard RM9.30 sekilogram turun kepada



**Harga sayur paling tinggi dalam 30 tahun**

KERATAN Kosmo! 26 November 2021.

da RM8.91 dan telur gred B pula RM12.60 kepada RM12.47 bagi 30 biji telur," jelasnya.

November lalu, Kosmo! melaporkan harga sayur naik di beberapa buah negeri sejak secara mendadak.

Harga sayur kubis, sawi, brokoli, kacang buncis dan cili merah dilaporkan meningkat RM2 hingga RM8.

KPDNHEP sebelum ini menyatakan peningkatan itu disebabkan ada kaitan dengan harga bahan serta racun yang naik di pasaran dunia.



ORANG ramai membeli sayur di Pasar Awam Tanjung Bungah, Pulau Pinang baru-baru ini.

## 20,134 premis diperiksa di seluruh negara

**KUCHING** - Sebanyak 20,134 premis di seluruh negara diperiksa menerusi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) setakat Khamis.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, daripada jumlah itu, 62 kes diambil tindakan kerana peniaga dikesan melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Antara kesalahan itu adalah menjual barang terkawal melebihi harga maksimum ditetapkan dan tidak meletakkan tanda harga khas pada barang terkawal," katanya selepas meninjau harga

barang di sebuah pasar raya di sini pada Jumaat.

SHMKM yang berkuat kuasa bermula 7 hingga 31 Disember ini adalah usaha kerjaan menstabilkan harga barang keperluan.

Barangan disenaraikan di bawah skim itu ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, B dan C, kacang panjang, cili merah, tomato, sawi hijau, kubis bulat import (dari Indonesia dan China) serta timun.

Alexander berkata, kementeriannya juga dalam kajian akhir untuk menentukan sama ada SHMKM akan diteruskan dan pengumuman akan dibuat selepas kajian itu selesai dalam masa terdekat. - Bernama



Alexander (tengah) membuat tinjauan harga barang di sebuah pasar raya di Kuching pada Jumaat.

## *Food Bank Malaysia bukan bantuan makanan rasmi kerajaan - KPDNHEP*

**PUTRAJAYA** - Program *Food Bank Malaysia* adalah program kesukarelawan yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan bukan program bantuan makanan rasmi kerajaan.

KPDNHEP menjelaskan program itu melalui perjalanan makanan ngumpul perluhan daripada pedangkang seperti pasar raya, pengilang, pengusaha makanan, syarikat korporat bukan melibatkan peruntukan kerajaan.

"*Food Bank Malaysia* diselaraskan KPDNHEP diperkenalkan pada tahun 2018 dan giat dilaksanakan ketika negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain membantu golongan terjejas, objektif lainnya adalah untuk mengurangkan pembaziran lebihan makanan yang masih elok yang dihasilkan oleh industri peruncitan," menurut KPDNHEP dalam kenyataan pada Jumaat.

Kenyataan tersebut adalah sebagai maklum balas susulan

tular video mengenai individu mempertikai jumlah besar dalam bantuan yang diberikan KPDNHEP.

kotak makazetaki itu, kotak merupakan pek individu yang untuk kegunaan segera, selain mengandungi makanan kering (sedia untuk dimakan) dan keperluan diri.

KPDNHEP menjelaskan, barang lain seperti beras, gula, tepung, lampin pakai buang bagi bayi dan orang dewasa berserta tuala wanita turut disediakan secara bersingungan.

Bagi kegunaan isi rumah pula, KPDNHEP menyediakan dan mengedarkan sumbangan seperti beras, tepung, minyak masak dan makanan kering yang biasanya disumbang kepada mangsa banjir selepas mereka pulang ke rumah masing-masing.

"Pihak KPDNHEP melalui Sekretariat *Food Bank Malaysia* telah agihkan bakul makanan dan keperluan diri kepada 3,230 ketua isi rumah yang terkesan bencana banjir bagi tempoh 19 hingga 24 Disember," katanya. - Bernama

HARI : ISNIN  
TARIKH : 25/12/2021  
M/SURAT : 17



# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SABTU  
TARIKH : 25/12/2021  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan					
• Ayam	<b>RM7.99</b>	• Telur Gred A	<b>RM12.30</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM40</b>	• Ikan Kembung	<b>RM16.99</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM2.49</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM28</b>	• Minyak Masak	<b>RM6.50</b>	• Bawang Putih	<b>RM5.50</b>
				• Cili Merah	<b>RM9.90</b>
				• Kubis Tempatan	<b>RM6</b>
				• Tepung Gandung	<b>RM2.25</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP